



SANTA Claus membawa 'hadiah' untuk Ongkili, D Kamarudin dan tetamu lain ketika pelancaran majlis itu.

Perpaduan dalam kepelbagaian teras kekuatan kemajuan Malaysia: Ongkili

DE 18.12.2017 2

Ricardo Unto

KOTA KINABALU: Perpaduan dalam kepelbagaian adalah teras kekuatan bagi kemajuan Malaysia, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Di sesetengah negara, katanya, kepelbagaian menjadi satu cabaran dan punca konflik.

"Kita harus mendukung perpaduan ini agar ia dapat diwariskan kepada generasi akan datang," katanya ketika melancarkan sambutan Pesta Krismas Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, Sabtu.

"Tambahan lagi, Sabah dan Sarawak kerap menjadi titik rujukan, sebuah model sempurna Malaysia dari segi perpaduan, kerjasama dan keamanan."

Memuji sambutan Krismas UMS yang merupakan tahun keenam dianjurkan oleh universiti itu, Ongkili berkata ia satu medan yang baik bagi pengunjung untuk memperkukuh persefahaman antara satu dengan yang lain, tanpa mengira bangsa dan agama.

"Sambutan seperti ini memberikan peluang untuk kita lebih mengenali rakan-rakan dan merapatkan jurang dalam kalangan kita.

"Peluang ini harus dihargai dan diteruskan agar pemikiran kita lebih terbuka untuk menerima persamaan dan perbezaan antara pelbagai bangsa dan agama di Malaysia yang boleh mengalakkan rasa

hormat antara satu sama lain.

"Kerana itu, saya fikir sambutan Krismas ini harus diteruskan pada masa akan datang agar ia dapat mewujudkan persefahaman lebih kukuh dalam kalangan rakyat, khususnya di dalam UMS," katanya.

Bertemakan 'Perpaduan', Pesta Krismas itu dihadiri sekitar 3,000 orang, kebanyakannya mahasiswa dan mahasiswi UMS. Pengunjung dihiburkan oleh persembahan pentas oleh penuntut, serta artis jemputan iaitu Juwita Suwito dan Rosario Bianis.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata sambutan semumpamanya melambangkan keharmonian semangat Malaysia dalam kalangan mahasiswa.

"UMS mensasarkan untuk melahirkan graduan yang mengamalkan nilai-nilai baik untuk memperkukuh keupayaan untuk bekerjasama sebagai salah seorang anggota pasukan.

"Acara-acara seperti sambutan Krismas bukan sahaja menyumbang ke arah pembangunan diri mahasiswa dalam menganjurkan acara-acara itu, tetapi ia juga akan dapat menggilap kemahiran komunikasi mereka.

"Komitmen mereka untuk memastikan kejayaan acara ini adalah bukti bahawa universiti ini mampu melahirkan individu-individu kelas dunia dan berkemahiran tinggi," katanya.